

ES10170011

16 December 2020

Kepada Pihak Berkepentingan,

Tuan/Puan,

Undangan untuk memberi komen terhadap pensijilan semula RSPO ke atas Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 6, Tennamaram

Sime Darby Plantation Berhad memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk mendapatkan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (Malaysia National Interpretation of RSPO Principles and Criteria for the Production of Sustainable Palm Oil 2018 (MYNI 2019)).

RSPO merupakan organisasi yang ditubuhkan pada 2004 dan bermatlamat untuk menggalakkan pengeluaran minyak sawit mampan serta penggunaannya. Pensijilan RSPO memberi pengiktirafan kepada pengeluar minyak sawit bahawa mereka telah mengeluarkan minyak sawit mampan yang merangkumi:

- Pelaksanaan amalan pertanian baik
- Kepatuhan pada perundangan
- Bertanggungjawab ke atas pemeliharaan sumber semulajadi, kepelbagaian bio dan alam sekitar
- Bertanggungjawab kepada pekerja, individu dan masyarakat yang menerima kesan daripada operasi perladangan dan pengilangan minyak sawit
- Penambahbaikan berterusan

Di dalam memastikan bahawa organisasi menepati kehendak di atas, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ingin menjemput pihak tuan/puan untuk memberi maklumbalas bagi penilaian yang akan dijalankan ke atas Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 6, Tennamaram.

Berikut adalah maklumat mengenai Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 6, Tennamaram (No. Keahlian: 1-0008-04-000-00 / No. ID RSPO: RSPO_PO1000000157) dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd:

Sime Darby Plantation Berhad telah memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd untuk mendapatkan pensijilan RSPO bagi 10 daripada 57 unit pensijilan.

Sime Darby Plantation Berhad memiliki 190 ladang kelapa sawit dan 57 buah kilang di Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak di Malaysia dan di Kalimantan, Sumatera & Sulawesi di Indonesia. Pada masa ini, Sime Darby Plantation Berhad menyelia ladang adalah 299,984 hektar di Malaysia dan 201,012 hektar di Indonesia. Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. juga membeli buah tandan segar dari pekebun kecil sekitarnya.

Selain daripada ladang dan operasi kilang, Sime Darby Plantation Berhad juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti hiliran termasuk penapisan minyak, pengeluaran produk minyak dan lemak, oleokimia dan biodiesel di empat belas buah negara.



ISO/IEC 17021-1:2015 QS 02121999 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 EMS 17122002 CB 02
ISO/IEC 17065:2012 PC 05102004 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 OSH 06122005 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 HACCP 05052008 CB 03
ISO/TS 22003:2013 FSMS 23122008 CB 01
MS ISO/IEC 17021:2011 FMC 10122009 CB 02
MS ISO/IEC 27006:2011 ISMS 17022011 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 EAMS 03012014 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 MDQMS 30092015 CB 04
ISO/IEC 17021-1:2015 GMP 09102015 CB 04
ISO/IEC 17021-1:2015 MSPD 25072017 CB 05
ISO/IEC 17024:2012 PS 09032017 CB 03



MS ISO/IEC 17025
CALIBRATION / TESTING
SAMM NO.085 SAMM NO.086
SAMM NO.087 SAMM NO.219
SAMM NO.735 SAMM NO.240
SAMM NO.734 SAMM NO.377



MS ISO/IEC 17020
MIBAS NO. 003



074



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. merupakan badan pensijilan, pengujian dan pemeriksaan utama di Malaysia. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatannya mengikut kehendak standard yang diterimapakai di peringkat antarabangsa. SIRIM QAS International mempunyai pengalaman luas di dalam pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perladangan dari pengilangan kelapa sawit hingga industri hilirannya.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd merancang untuk menjalankan audit penilaian semula Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 6, Tennamaram bermula dari 18 Januari 2021 sehingga 22 Januari 2021. Malaysia National Interpretation 2019 of RSPO Principles and Criteria for the Production of Sustainable Palm Oil 2018 adalah standard yang akan digunakan dalam penilaian ini. Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 6, Tennamaram terletak di Bestari Jaya, Selangor, Malaysia. Butir-butir unit pensijilan boleh dirujuk di **Lampiran 1**.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd telah melantik :

Pasukan Juruaudit	Peranan / Elemen yang di perlukan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohd Ab Raouf Asis	Ketua Juruaudit / Isu Amalan Pertanian Baik (GAP) Isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	- Memiliki Ijazah Pengeluaran dan Operasi (Kepujian) – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. - Pengalaman lebih 7 tahun bekerja dalam Ladang Kelapa Sawit. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk QMS. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Auditor oleh David Ogg.
Mohd Zulfakar Kamaruzaman	Juruaudit / Isu 'Timebound Plan', dan Isu Sosial	- Memiliki Ijazah (kepujian) Sains Perhutanan – Universiti Putra Malaysia - Pengalaman lebih 5 tahun bekerja dalam Ladang Kelapa Sawit. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk QMS. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk EMS. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS. - Berjaya menamatkan kursus "RSPO-endorsed RSPO Supply Chain Certification 2016
Rozaimée Ab Rahman	Juruaudit / Isu Alam Sekitar, Isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Supply Chain	- Memiliki Diploma Perikanan - Universiti Putra Malaysia. - Memiliki Ijazah (kepujian) sains Pertanian - Universiti Putra Malaysia. - Pengalaman selama lebih 5 tahun bekerja berkaitan dengan kelapa sawit. - Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk EMS. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS. - Berkhidmat sebagai pembantu pengurus ladang IOI Plantation Sdn Bhd (2012-2015), Yayasan Pahang Plantation (2015-2016)

Ismail Adnan	Juruaudit / Isu HCV dan Isu Sosial	• Memiliki Diploma Perhutanan - Institut Teknologi MARA • Memiliki Ijazah (Kepujian) Dalam Perhutanan - Universiti Washington U.S.A • Pengalaman 12 tahun di kawasan berkaitan hutan sebagai Pegawai Pengurusan Hutan sejak tahun 1974 • Mengumpul lebih daripada 65 hari dalam pengauditan MC & I (2016) sebagai juruaudit hutan • Menghadiri latihan Kursus Latihan Juruaudit RSPO P&C pada Oktober 2016 • Berjaya menamatkan kursus EMS 14001: 2004Kursus Ketua Juruaudit, November 2015.
Selvasingam T. Kandiah	Juruaudit / Isu Amalan Pertanian Baik (GAP)	• Memiliki Ijazah (kepujian) Pertanian - Universiti Sains Pertanian, Hebbal, Banglore, India (1969-1973). • Peladang bersama Kumpulan Guthrie Berhad (1995-2002) termasuk satu tahun di Liberia dan 2 tahun di Jabatan Estate di Guthrie Group Berhad (HQ). • Pengalaman dalam urusan: - Nurseri: getah dan koko - Kawasan tidak matang: penanaman koko semula, penanaman getah semula & penanaman kelapa sawit semula - Kawasan: koko, getah & kelapa sawit. • Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO • Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit Bersepadu Kualiti, Alam Sekitar, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Berhubung dengan penilaian yang akan datang, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. mengalukan maklumbalas daripada tuan/puan berkaitan dengan:

- Perlindungan alam sekitar
- Pemeliharaan kepelbagaian bio
- Peluang pekerjaan
- Penyediaan keperluan perumahan, sanitasi, kemudahan awam dan pendidikan
- Pendekatan syarikat terhadap pembangunan masyarakat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Lain-lain hal berkaitan penilaian, penilai dan syarikat / kilang / estet yang akan di nilai

Maklumbalas tuan/puan hendaklah di hantar kepada:

Kamini A/P Sooriamoorthy

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
Tingkat 1, Blok 4, Kompleks SIRIM Berhad,
No. 1, Persiaran Dato' Menteri,
40700 Shah Alam, Selangor,
Malaysia.

Telefon : +603 5544 6448
Faks : +603 5544 6763
Email : kamini@sirim.my

atau

Madam Shyalaja Devi Vasudevan

Ketua Pengurus - Sustainability

Sime Darby Plantation Berhad,
GSQM Department,
Level 3A, Main Block,
Jalan PJU 1A/7,
47301, Ara Damansara,
Selangor,
Malaysia.

Telephone : +603-7848 4379

Fax : -

Email : shylaja.vasudevan@sime-darbyplantation.com

Pihak SIRIM QAS International mengucapkan terima kasih keatas segala maklumbalas yang telah di berikan.

Yang Benar,



(KAMINI A/P SOORIAMORTHY)

Ketua Seksyen,
Makanan, Pertanian & Perhutanan
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

LAMPIRAN

Lampiran 1

Maklumat mengenai Sime Darby Plantation Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 6, Tennamaram

KILANG SAWIT YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA						
Nama Kilang	Kapasiti Kilang	Lokasi	Koordinat GPS		Hasil Pengeluaran Tahunan (MT)	
	(MT/Jam)	Alamat	Longitud	Latitud	CPO	Palm Kernel
Kilang Kelapa Sawit Tennamaram	60	45600 Bestari Jaya, Selangor	101°25' 03.41" E	3°23' 44.30" N	47,136.06	12,740.13
LADANG-LADANG YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA						
Nama Ladang	Lokasi	Koordinat GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Purata Pengeluaran Tahunan (MT)
	Alamat	Longitud	Latitud	Jumlah	Jumlah Ditanam	
Tennamaram Estate	45600 Bestari Jaya, Selangor	101°23' 59.24" E	3°24' 11.35" N	2,334.96	1,803.22	43,917.10
Sungai Buloh Estate	45700 Bukit Rotan, Selangor	101°19' 07.23" E	3°18' 32.27" N	5,152.22	3,905.47	96,423.75
Bukit Talang Estate	45000 Kuala Selangor, Selangor	101°18' 35.72" E	3°24' 09.15" N	3,572.44	2,742.98	61,893.36
Jumlah				11,059.62	8,451.67	202,234.21